

**TEKS UCAPAN
TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR (ZERO WASTE)
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' ONN,
BUTTERWORTH
13 JUN 2012
9.00 PAGI**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati En. Soon Lip Chee

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Merangkap Pengerusi Pasukan Kerja LA21 Mesra Alam, MPSP

Yang Dihormati Dr Mohd Fadzil Che Amat

Yang DiPertua Persatuan Ibu Bapa & Guru

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato'Onn, Butterworth

Yang Dihormati Tn. Hj Zulkifli

Pemangku Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato'Onn, Butterworth

Para Guru, Pelajar-pelajar

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato'Onn, Butterworth

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamualaikum, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth pada hari ini. Saya ingin menyampaikan salam dari Tn. YDP MPSP, Pn. Maimunah Mohd Sharif yang kini berada di Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang di Komtar.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pengetua, barisan kepimpinan PIBG, guru-guru, pelajar-pelajar yang berusaha meningkatkan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth dalam aspek-aspek keindahan persekitaran yang telah berjaya dalam aspek-aspek:

- Johan dalam Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Sekolah Menengah Seberang Perai untuk 2 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2010 dan tahun 2011.

- Johan dalam '*Best Product*' Bahan Recycle, Young Enterprise 2010.
- Anugerah '*Silver Award*' dan '*Bronze Award*' *British Council* atas usaha perkongsian Amalan Hijau dalam forum '*Schools On Line*' *British Council*.
- Penganugerahan Sekolah Kluster Kecemerlangan Kementerian Pelajaran Malaysia mempraktikan Amalan Hijau.
- Menganjurkan *International Youth Conference On Environment* dalam perkongsian Amalan Hijau Sekolah-sekolah *Asean* pada 23-27 Mei 2012.

Sekolah menengah di Malaysia khususnya di Seberang Perai yang dapat menganjurkan Program *International Youth Conference On Environment* boleh dikatakan sebagai "*best practice*" di negeri kita. Saya juga dimaklumkan program ini banyak mengadakan aktiviti-aktiviti hijau seperti program kompos, program *mudball*, program penanaman pokok, taman rama-rama dan penjagaan alam sekitar. Dan ini juga merupakan satu usaha yang menjurus kepada tercapainya "*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*" yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan-tuan , Puan-puan & Para pelajar,

Saya dimaklumkan bahawa sejak tahun 2010, jumlah beratan sampah yang boleh dikitar semula di SMK Dato' Onn, Butterworth meningkat dari 2914 kg pada tahun 2010 kepada 3950 kg pada tahun 2011. Manakala, bagi Januari 2012 hingga Mac 2012, sebanyak 3320 kg telah berjaya dikumpul. Saya percaya bahawa menjelang akhir tahun ini, kutipan tersebut boleh meningkat kepada 5000 kg atau lebih. Selain berjaya mengutip lebih daripada 10,000 kg sampah dalam tempoh tidak sampai 3 tahun, SMK Dato' Onn, Butterworth juga telah menanam lebih 100 batang pokok dan pada bulan Mei yang lepas, 10 batang pokok telah ditanam oleh delegasi dari Negara *Asean* sempena dengan *International Youth Conference On Environment*. Syabas kepada guru-guru dan pelajar-pelajar.

Program-program *Mudball* turut dijalankan oleh Pihak PIBG SMK Dato' Onn, Butterworth seperti pertandingan membuat *Mudball* dan Program Membaling *Mudball* ke Sungai Mak Mandin pada tahun 2011. Pada tahun ini, program ini dijangkakan akan diadakan di sungai-sungai sekitar SPU yang akan dikenalpasti.

Untuk makluman semua, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth merupakan sekolah menengah pertama yang melancarkan program sisa sifar. Manakala sekolah rendah pertama yang melancarkan Program Sisa Sifar ialah S.K Permatang To' Kandu, Permatang Pauh, diikuti oleh SRJK (C) True Light dan S.K Jawi.

Penyertaan Sekolah Sisa Sifar ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau di mana MPSP lancarkan pada 25 Jan 2010 di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi , Butterworth. Penyertaan sekolah pada tahun 2010 adalah sebanyak 30 buah sekolah, dan telah meningkat kepada 36 buah sekolah pada tahun 2011, dan sehingga Mei 2012, sebanyak 52 buah sekolah telah menyertai Pertandingan Sekolah Hijau.

Tuan-tuan , Puan-puan & Para pelajar,

Pada tahun 2011 dan tahun 2012, MPSP telah menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding dengan tahun-tahun yang lepas kerana masalah pengurusan sisa pepejal bukan lagi masalah yang boleh dijadikan aktiviti hanya untuk melengkapkan rangka jadual kerja tahunan ataupun bulanan kepada persatuan ataupun sekolah. Tetapi ia merupakan program-program yang perlu dilaksanakan dan merupakan

cabaran yang besar kepada Pihak Pengurusan MPSP. Pada tahun 2011, MPSP telah menguruskan 5460 tan sisa pepejal dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 42 juta. Pada tahun 2012, dalam bajet yang diperuntukan, angka ini mencecah RM 65 juta. Semasa Program Sisa Sifar di S.K Jawi, saya dimaklumkan oleh Pegawai Pendidikan Daerah, perbelanjaan untuk sebuah sekolah untuk lengkap dengan sistem teknologi yang canggih seperti sistem komputer dan alat-alat yang moden memerlukan berjuta. Maka sekiranya kita boleh mengurangkan 50% sisa pepejal, maka kita dapat menjimatkan hampir separuh daripada perbelanjaan pengurusan sisa pepejal. Penjimatan ini boleh disalurkan kepada beberapa buah sekolah untuk peralatan-peralatan yang lebih moden dan menyediakan beberapa taman permainan dan dewan orang ramai.

Tuan-tuan , Puan-puan & Para pelajar,

Tujuan MPSP menjalankan program di sekolah adalah untuk mendidik para pelajar kerana para pelajar merupakan generasi akan datang dan perbelanjaan RM 65 juta adalah mengguna cukai-cukai yang dibayar oleh ibu bapa para pelajar dan, anak-anak adalah dikehendaki untuk membayar cukai untuk tujuan tersebut apabila dewasa kelak. Jika kos perbelanjaan ini dapat diijimatkan, maka MPSP boleh menggunakan

cukai yang dibayar untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada semua.

Pendidikan kesedaran kepada sekolah tentang mengitar semula sampah giat dijalankan supaya dapat membantu mengurangkan kos pelupusan sampah. Untuk makluman semua, pada bulan lepas, saya telah membuat lawatan ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar. Pada setiap hari, 220 trip pengangkutan atau perjalanan yang membawa muatan 500 tan sisa pepejal ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar. 220 trip perjalanan yang menghantar sisa pepejal ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar akan menambahkan karbon dioksida ke persekitaran kita. Kita bukan sahaja membuang sampah, tetapi pada masa yang sama ia meningkatkan kadar karbon dioksida dalam udara yang kita sedut setiap masa. Oleh yang demikian, tindakan dengan tidak membuang sampah, secara langsung kita dapat mengurangkan perjalanan lori kompartor yang mengeluarkan karbon dioksida yang boleh menjejaskan kesihatan kita. Untuk makluman semua, MPSP membelanjakan RM 500 ribu untuk memberi rawatan kepada pekerja MPSP.

Saya menyeru kepada pihak sekolah agar dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran sekolah sejajar dengan hasrat Kerajaan

Negeri iaitu menjadikan “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*”

Hasrat Kerajaan Negeri ini juga seiring dengan fokus dan visi MPSP.

Untuk makluman semua, Program Sisa Sifar yang akan dilancarkan pada hari ini juga selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu :

- **Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan**

Dibawah fokus ini, program-program yang akan dijalankan adalah seperti meningkatkan kehijauan alam sekitar dengan mengadakan penanaman pokok. Selain daripada itu, taklimat berkenaan dengan kitar semula, pengasingan di punca, gotong-royong, ceramah dan lain-lain.

Fokus MPSP 2012 yang lain adalah :

- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengususan Fiskal
- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Saya amat mengharapkan setiap sekolah di Seberang Perai akan bertanggung jawab untuk merancang dan memastikan kebersihan sekolah sentiasa terpelihara. Para pelajar juga seharusnya diberikan tanggungjawab bagi menjaga kebersihan kelas sendiri dan kawasan-kawasan tertentu. Penglibatan pelajar secara menyeluruh bererti mereka dididik untuk menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dalam aspek kebersihan. Pihak PIBG juga dapat memainkan peranan melalui aktiviti gotong-royong ataupun Program Kemasyarakatan seperti *mudball* yang boleh dijalankan dari masa ke semasa.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth.

Sekian, terima kasih.